

**GARIS PANDUAN MENGHADIRI PERSIDANGAN BAGI PASCA DOKTORAL,
PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH, PEMBANTU PENYELIDIK DAN PELAJAR
SISWAZAH**

1.0 KATEGORI PERSIDANGAN

- 1.1 Jenis pembiayaan dan panduan menghadiri persidangan dalam dan luar negara:
- a) Peruntukan persidangan menggunakan Tabung Amanah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) (dalam/luar negara)
 - b) Peruntukan khas dari wang rezab Universiti
 - c) Peruntukan menggunakan Geran Penyelidikan (dalam/luar negara)

2.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN

2.1 Peruntukan Persidangan menggunakan **Tabung Amanah PPPI** atau **peruntukan khas wang rezab Universiti** :

2.1.1 Kelayakan

Terbuka kepada semua Pasca Doktoral (Post Doc), Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA), Pembantu Penyelidik (RA) dan Pelajar Siswazah lantikan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk memohon peruntukan ini.

2.1.2 Syarat-syarat

- a) Aktiviti persidangan pemohon mestilah sebagai pembentang lisan SAHAJA.
- b) Persidangan yang diambil kira adalah persidangan berindeks SCOPUS/WOS SAHAJA.
- c) Kertas pembentangan persidangan pemohon perlu melalui Jawatankuasa Persidangan peringkat Fakulti/Pusat ATAU telah dinilai oleh penilai dalaman di Fakulti/Pusat.
- d) Hanya pembentang kertas persidangan sahaja yang akan dipertimbangkan untuk menghadiri persidangan luar negara.

2.1.3 Pembiayaan

- a) Peruntukan pembiayaan bagi menghadiri setiap persidangan Dalam Negara atau Luar Negara adalah berjumlah **RM 1,500.00 SAHAJA** dan hanya akan diluluskan oleh Jawatankuasa Persidangan Pasca

Doktoral/Pembantu Penyelidik Siswazah/Pembantu Penyelidik/Pelajar Siswazah di peringkat PPPI tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa meliputi pembiayaan seperti berikut:

- i) Yuran pendaftaran – bagi satu kertas persidangan atau lebih.
- ii) Tambang perjalanan – mengikut kelayakan atau tambang termurah.
- iii) Penginapan – mengikut kadar kelayakan bayaran penginapan.
- iv) Kadar elaun makan, elaun lojing, dan sewa hotel mengikut kadar kelayakan berkursus.
- v) Lain-lain perbelanjaan - mengikut pertimbangan Jawatankuasa.

2.1.4 Tuntutan

Semua tuntutan hendaklah di hantar ke PPPI selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas menghadiri persidangan.

2.2 Peruntukan Persidangan menggunakan **Geran Penyelidikan**

2.2.1 Kelayakan

Terbuka kepada semua Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) yang dilantik menggunakan geran penyelidikan.

2.2.2 Syarat-syarat

- a) Permohonan menghadiri persidangan perlu mendapat persetujuan daripada Ketua Penyelidik geran yang berkaitan dan tertakluk kepada tadbir urus serta garis panduan daripada pemberi dana.
- b) Aktiviti persidangan pemohon mestilah sebagai pembentang lisan SAHAJA.
- c) Persidangan yang diambil kira adalah persidangan berindeks SCOPUS/WOS SAHAJA.
- d) Kertas pembentangan persidangan pemohon perlu melalui Jawatankuasa Persidangan peringkat Fakulti/Pusat ATAU telah dinilai oleh penilai dalaman di Fakulti/Pusat.
- e) Hanya pembentang kertas persidangan sahaja yang akan dipertimbangkan untuk menghadiri persidangan luar negara mengikut tadbir urus dan garis panduan pemberi dana.

2.2.3 Pembiayaan

Peruntukan pembiayaan bagi menghadiri persidangan Dalam Negara dan Luar Negara adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Persidangan Pasca Doktoral, Pembantu Penyelidik Siswazah, Pembantu Penyelidik dan Pelajar Siswazah peringkat PPPI dan pemberi dana.

2.2.4 Tuntutan

Semua tuntutan hendaklah di hantar ke PPPI selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas menghadiri persidangan.

3.0 TATACARA MENGHADIRI PERSIDANGAN

- 3.1 Permohonan untuk menghadiri persidangan hendaklah menggunakan borang Jabatan Pendaftar iaitu Borang Permohonan Menghadiri Persidangan (UPNM.PEND.HRD.ULK.002) – boleh dimuat turun di laman web www.pendaftar.upnm.edu.my.
- 3.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi perlu diperakui di peringkat Fakulti samaada melalui Jawatankuasa Persidangan Fakulti/Pusat atau panel penilai dalam peringkat Fakulti/Pusat. Permohonan hendaklah dihantar mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti berikut:
- 3.3 Bagi permohonan menghadiri persidangan Dalam Negara, **permohonan perlu dihantar dalam tempoh satu (1) bulan** sebelum tarikh persidangan berlangsung.
- 3.4 Bagi permohonan menghadiri persidangan Luar Negara, **permohonan perlu dihantar dalam tempoh dua (2) bulan** sebelum tarikh persidangan berlangsung.
- 3.5 Bagi permohonan menghadiri persidangan Luar Negara, pemohon perlu mengisi borang daripada Jabatan Pendaftar iaitu Borang Permohonan Lawatan ke Luar Negara (UPNM/PEND-06) dan perlu mendapat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) [TNC (P&I)] selepas menerima kelulusan daripada Jawatankuasa Persidangan peringkat PPPI.
- 3.6 Setiap pemohon yang telah mendapat kelulusan untuk menghadiri persidangan di Luar Negara adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan permohonan lawatan ke Luar Negara daripada TNC (P&I).

Rekod Kelulusan	
LPU	-
EXCO	-
Senat	-
JPIU	Bil 2/2020 – 11 Jun 2020

4.0 SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERSIDANGAN BAGI PASCA DOKTORAL/ GRA/ RA/ PELAJAR SISWAZAH

Senarai Semak Pemohon

- a) Borang Permohonan Menghadiri Persidangan (Jabatan Pendaftar) UPNM.PEND.HRD.ULK.002 – *beserta brosur yang nyatakan bayaran dan jaminan kertas persidangan akan diterbitkan di jurnal berindeks*
- b) Kertas Pembentangan (*Full Paper*)
- c) Laporan Turnitin (bawah 20%)
- d) Laporan/Cabutan Minit Mesyuarat Saringan daripada Fakulti/Pusat
- e) Surat penerimaan menyertai persidangan daripada pengajur
- f) Sebutharga/Invois Yuran Penyertaan
- g) Borang Permohonan Pembelian/Perolehan (UPNM.PPPI.001) (*jika memerlukan P.O bagi pembayaran yuran*)
- h) Borang Permohonan Menjalankan Tugas Rasmi/Berkursus di Luar Kampus (PEND-15)
- i) Borang Permohonan Lawatan ke Luar Negara (HRM.006) (*jika persidangan di luar negara*)

Nota: *Permohonan menghadiri persidangan perlu dimajukan ke PPPI sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh persidangan DI DALAM NEGERI ATAU 2 bulan sebelum tarikh persidangan di LUAR NEGARA*

5.0 CARTA ALIR PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI FELO PASCA DOKTORAL, PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA), PEMBANTU PENYELIDIK DAN PELAJAR SISWAZAH

